

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.3 (1)

9 Mac 2023
16 Syaaban 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.16/2023

BAYARAN INSENTIF KELAYAKAN PROFESIONAL BAGI STAF AKADEMIK DAN STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL YANG MEMPEROLEHI KELAYAKAN PROFESIONAL TAHUN 2023

Dimaklumkan bahawa Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 4/2023 bertarikh 21 Februari 2023 telah bersetuju supaya kadar Bayaran Insentif Kelayakan Profesional sebanyak RM1000.00 dinaikkan ke RM3000.00. Bayaran insentif ini akan diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi staf Akademik dan staf Pengurusan dan Profesional yang memperolehi kelayakan profesional berdasarkan keperluan PTJ dan Universiti.

2. Berdasarkan keputusan tersebut, kelayakan profesional adalah merujuk kepada Pengiktirafan kelayakan Ijazah Pertama yang melibatkan badan profesional berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTTPK) Ke-84 bertarikh 28 Jun 2004 oleh Agensi Kelayakan Malaysia tidak termasuk kelayakan profesional yang diperolehi dari Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

3. Pemberian insentif ini diharap dapat meningkatkan bilangan staf UTM berkelayakan profesional terutamanya dalam bidang akademik dan pengurusan profesional yang memerlukan kelayakan profesional bagi membantu kelangsungan program-program akademik serta pengurusan dan pentadbiran di Universiti.

4. Sehubungan itu, Bayaran Insentif Kelayakan Profesional bagi Staf Akademik Dan Staf Pengurusan Dan Profesional Yang Memperolehi Kelayakan Profesional 2023 ini akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

NAI/GA/saah